



SIARAN MEDIA

eBelia: RM300 Juta Kredit e-Tunai untuk 2 Juta Belia dan Pelajar Sepenuh Masa dibuka 1 Jun 2021

SIARAN MEDIA | 17 MEI 2021

Program eBelia (“eBelia”) yang merupakan sebuah inisiatif kredit e-tunai bernilai RM300 juta akan dibuka kepada sekitar dua (2) juta belia warganegara Malaysia yang layak bermula 1 Jun 2021. Ianya bertujuan meringankan beban kewangan selain menggalakkan perbelanjaan secara tanpa tunai di kalangan belia serta pelajar sepenuh masa di institut pengajian tinggi (“IPT”) tempatan berdaftar.

Di bawah Belanjawan 2021, sejumlah RM200 juta telah diperuntukkan bagi menyalurkan RM100 kredit e-tunai bagi setiap belia yang layak. Kerajaan telah menambahbaik inisiatif ini dengan peruntukan tambahan sejumlah RM100 juta di bawah program PEMERKASA yang diumumkan Mac lalu, menjadikan **keseluruhan peruntukan bagi program ini sebanyak RM300 juta.** Dengan faedah tambahan ini, **setiap penerima layak mendapat nilai kredit berjumlah RM150, berbanding RM100 sebelum ini.**

eBelia akan ditawarkan melalui empat (4) penyedia perkhidmatan e-tunai iaitu BigPay, Boost, ShopeePay and Touch ‘n Go eWallet, yang secara keseluruhan mempunyai 30 juta¹ pengguna aktif, dan jaringan lebih 1 juta² peniaga di dalam dan luar talian. **Setiap pemohon yang layak boleh menuntut RM150 dalam bentuk kredit e-tunai daripada salah satu penyedia perkhidmatan e-tunai ini,** yang akan disertakan dengan insentif tambahan dalam bentuk cash back, baucar, mata terkumpul atau coins oleh penyedia perkhidmatan e-tunai yang dipilih sepanjang tempoh kempen.

Inisiatif eBelia ini dibuka kepada warganegara Malaysia yang:

1. **Mencapai umur 18 ke 20 tahun pada tahun 2021 (lahir pada tahun 2001 hingga 2003); atau**
2. Merupakan **pelajar sepenuh masa di peringkat diploma atau SKM4 dan ke atas di IPT tempatan berdaftar**

Data belia akan disemak silang dengan IPT tempatan yang berdaftar dan pangkalan data Kerajaan yang berkenaan.

Tempoh tuntutan kredit tersebut adalah dari 1 Jun hingga 22 Julai 2021 dan kredit tersebut boleh dibelanjakan sehingga 31 Julai 2021. Mereka yang layak digalakkan untuk mengemas kini akaun di aplikasi e-tunai masing-masing atau memuat turun aplikasi e-tunai tersebut sebelum 1 Jun 2021.

eBelia merupakan sebuah kerjasama Kementerian Kewangan bersama Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Sumber Manusia, dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php/bm/ebelia>

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

17 Mei 2021

¹ Setiap pengguna mungkin berdaftar dengan lebih daripada satu penyedia e-tunai

² Setiap peruncit dan peniaga mungkin berdaftar dengan lebih daripada satu penyedia e-tunai

eBelia

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

HARGA MINYAK

PRICE OF PETROLEUM